

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



Anna Jobling

RATU TERGEMPAK DI HATI PEMINAT



Gempak Most Wanted 2024



TAHNAIH PEMENANG GMWA2024!

Semenjak pembabitan dalam Dewi Remaja 2018/2019, Anna Ellisa Gustin Jobling tidak menoleh ke belakang lagi. Kecantikan yang dikurniai kepadanya seimbang dengan bakat yang dibawa masuk ke dalam industri hiburan.

Kariernya meroket laju dan sedar-sedar bukan hanya menawan hati peminat di Malaysia, nama Anna Jobling sangat mahsyur di Indonesia. Drama-drama lakonannya sentiasa menang di hati peminat dan tidak sedikit syarikat yang memakai khidmatnya sebagai muse atau wajah utama kerana imej dan kredibilitinya.

Maka meski Anna mengaku dirinya sedikit terkejut apabila diumumkan sebagai Gempak Most Wanted 2024 menerusi Gempak Most Wanted Award 2024 (GMWA24) yang berlangsung penuh meriah di MBSA pada 23 Februari lalu, ia bukan sesuatu yang mustahil berlaku.

Aktres ini memperoleh sebanyak 4.9 juta undian — jumlah yang jauh lebih besar berbanding tahun sebelumnya apabila dia dinobatkan dengan gelaran sama iaitu Gempak Most Wanted 2023.

"Saya masih belum punya kata-kata untuk menggambarkan perasaan kerana tidak tahu tahun ini buat kali kedua memenangi lagi anugerah ini. Dengan semua yang dilakukan oleh peminat kepada saya, saya hanya boleh berikan kasih sayang kepada anda," ujar Anna.

Ironi, Anna bukan hanya diumumkan sebagai penerima Gempak Most Wanted namun pada anugerah sama pelakon berusia 24 tahun ini membawa pulang kategori Selebriti Tergempak dan Drama Tergempak bersama Amir Ahnaf menerusi lakonan mereka dalam drama Syurga Itu Bukan Mudah.

Tidak berhenti melahirkan rasa syukur Anna sedar dia mempunyai tanggungjawab besar untuk terus konsisten dalam karier dan memberi persembahan yang berkualiti sesuai dengan pengiktirafan demi pengiktirafan yang diperoleh.

Justeru Anna memasang impian antaranya untuk keluar daripada zon selesa seperti menanti watak antagonis.

"Saya juga tiada masalah dikecam kerana misi wata antagonis adalah dibenci," katanya yang mengaku lebih selektif terhadap pembabitan dalam naskhah di tahun ini.

Dan salah satu projek terbesar yang sudah menjadi buah mulut adalah Anna Jobling akan membawa watak ikonik dalam filem fenomena Harum Sundal Malam. Anna akan menggantikan watak Maya Karin menerusi naskhah Datuk Paduka Shuhaimi Baba itu.

Mengaku ada menerima lamaran untuk ikut terlibat dengan projek baru Harum Sundal Malam, Anna yang terlebih dahulu terbabit dengan filem seram dari Indonesia, Lembayung, bagaimanapun tidak dapat memberi butiran lanjut kerana masih belum terlibat secara rasmi.

"Harum Sundal Malam adalah filem seram pertama yang saya tonton jadi saya sedia menjadi pontianak. Hanya buat masa kini saya tidak boleh memberi banyak info kerana semuanya masih belum rasmi. Jika ada rezeki, jumpa saya dalam Harum Sundal Malam nanti," katanya lagi.

Melihat kepada pencapaian demi pencapaian yang diraih, kepercayaan demi kepercayaan yang diberi dan strategi karier yang disusun, perjalanan karier seorang Anna Jobling masih panjang dan punya potensi besar untuk meletakkan namanya sebaris dengan barisan aktres gred A. Dan tentu sahaja Anna Jobling akan kekal menjadi ratu di hati peminat ; meski generasi bertukar generasi.



Ada Pertama Kali, Ada Kekal Takhta, GMWA2024 Paling Flex!

Memasuki penganjuran tahun ketiga, Gempak Most Wanted 2024 (GMWA24) kini boleh disifatkan sebagai penganjuran anugerah paling berprestij dan mendapat kepercayaan ramai pempengaruh atau konten kreator yang menjadi pemankin semangat mereka membuat 'persembahan' di media sosial dengan lebih berkualiti juga bermanfaat.

Pertama kali dianjurkan pada 2022, GMWA24 menyaksikan setiap pencalon mendapat sokongan menerusi undian yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan peminat. Buktinya, setiap kategori memperlihatkan peningkatan peratusan yang cukup signifikan.

Hal itu yang terjadi kepada undian yang diberikan buat pemenang utama GMWA24 iaitu Anna Jobling apabila undian sebanyak 1.5 juta pada 2023 untuk mengangkatnya sebagai Gempak Most Wanted 2023 meningkat kepada 4.9 juta undian sekaligus melayakkannya membawa pulang anugerah sama pada edisi GMWA24. Anna juga membawa pulang dua anugerah lain iaitu Selebriti Tergempak dan Drama Tergempak menerusi drama lakonan bersama Amir Ahnaf, Syurga Itu Bukan Mudah.

"Hanya kasih sayang yang boleh saya berikan semula kepada peminat," ujar Anna mengenai kemenangannya.

Berbeza Anna, Ryan Bakery yang dinobatkan sebagai Digital Creator (Entertainment) Tergempak melunaskan janji pada manifesto yang dijalankan sebelum anugerah berlangsung.

"Saya mesti tunaikan janji, manifesto makan percuma bersama 100 orang," katanya yang menunaikan janji di Restoran Nasi Kandar Pelita di ibu kota, sehari selepas kemenangannya.

Bagi Amin Abid yang sekali lagi membawa pulang trofi menerusi Digital Creator (Lifestyle) Tergempak meski tidak percaya boleh menang untuk tahun kedua, kepercayaan yang diberikan akan digunakan dengan sebaik mungkin.

"Peminat memberi kami semangat untuk membuat lebih banyak konten bermanfaat selepas ini," janji Amin Abid.

Sebagai 'orang lama' dalam anugerah GMWA, Pok Ro yang menjadi kesayangan ramai kali kedua dinobatkan sebagai Digital Creator (e-Sports) Tergempak membuktikan bahawa pengaruh terhadap permainan video juga boleh memberi impak positif jika 'dipandu' dengan baik.

Mengulang kejayaan sama adalah Fathi Hussein yang juga terus menjadi pilihan apabila dinobatkan sebagai Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak buat kali kedua.

Selain teruja dengan kemenangan yang diperoleh dan melaungkan tanda pagar #EducationMustWin, Fathi mengatakan gembira melihat peningkatan penganjuran GMWA24.

"Saya paling minat dengan lagu tema GMWA24 dan bangga melihat penganjuran anugerah ini terus mengalami peningkatan sejak dianjurkan pertama kali pada tahun 2022," katanya.



Menerusi kategori Video Muzik Tergempak pula, pemenangnya, Insomniacks menyifatkan kolaborasi bersama penyanyi Indonesia, Nabilah Taqiqiyah lewat hit Belum Mulai sebagai pengiktirafan yang membakar semangat mereka untuk bekerja lebih keras demi menghasilkan produk berkualiti buat pendengar.

Insomniacks mengatakan akan segera membawa trofi kemenangan GMWA24 ke Indonesia untuk dipersembahkan kepada Nabilah.

Tidak kurang terkejut dengan kemenangan di GMWA24, PodcaSTERK - Keputusan SPM 7G (Sterk Production) menitiskan air mata saat diumumkan sebagai pemenang Program Digital Tergempak. Menurut anak-anak muda berbakat ini, impian yang dipasang untuk menang dalam GMWA24 tercapai sekaligus menjadi tanggungjawab baru buat mereka menghasilkan konten yang lebih bermanfaat untuk semua.

Sementara Aina Abdul yang meraih trofi Lagu/Audio Tergempak menerusi Cinta Tak Pernah Tepat Waktu bersama Fabio Asher tidak berhenti menzahirkan terima kasih kepada peminat yang sentiasa sayangkan dan menghargai bakatnya dalam bidang seni.

Bagi si cantik Sofea Shra yang dipilih sebagai pemenang Digital Creator (Beauty & Fashion), kemenangannya adalah lambang penerimaan peminat dan pengguna media sosial terhadap perkongsian atau konten kecantikan serta fesyen yang dipelopori sejak lima tahun lalu.

Meski mengaku kemenangan tidak penting namun kata Sofea, 27, : "Tapi penting untuk kepuasan diri selepas menjalani karier ini lebih lima tahun."

Dan terakhir, pengaruh Khairul Aming sebagai pempengaruah dan konten kreator tidak boleh dinafikan apabila membawa pulang anugerah Digital Creator (Foodie) untuk GMWA24. Tentu sahaja kemenangan ini menjadi lambang bahawa peminat serta pengguna media sosial mahu memerlukan bukan sekadar perkongsian tentang resipi masakan tetapi bersifat teladan untuk dijadikan panduan.

Juga buat julung kali sebuah anugerah khas iaitu Keluang Man of The Year iaitu Wira WONDA Keluang Man of The Year menjadi milik aktivis jalanan, Abbehae. Pengiktirafan tersebut disifatkan Abbehae sebagai satu penganjuran yang cukup baik dalam usaha memberi manfaat kepada masyarakat terutama berbuat baik sesama insan.

Apapun tahniah buat semua pemenang GMWA24 kerana tanpa pembabitan kalian, anugerah ini tidak akan menjadi dan barangkali tema Flex Your Arts tidak kesampaian.

Sampai jumpa dalam edisi tahun hadapan guys! Korang memang flex teruk! - MALIAH SURIP

GEMPAK **MOST WANTED**

5 Momen Paling Best Di GMWA2024!

Malam kemuncak Gempak Most Wanted Awards 2024 (GMWA2024) berlangsung meriah di Auditorium MBSA, Shah Alam pada Ahad lalu dengan pelbagai momen menarik yang mencuri perhatian penonton.

Bertemakan 'Flex Your Art', pelakon Anna Jobling sekali lagi mencipta sejarah apabila dinobatkan sebagai Gempak Most Wanted 2024 dengan jumlah undian tertinggi sebanyak 4.9 juta.

GMWA2024 menampilkan trio pengacara serba boleh, Amelia Henderson, Sean Lee, dan Sherry Alhadad yang berjaya menghidupkan suasana malam penuh glamor ini.

Jom recap momen-momen menarik sepanjang malam kemuncak Gempak Most Wanted 2024:

1. Pembukaan Paling Gempak

Gabungan suara penyanyi Hael Husaini dan Nadeera Zaini menerusi beberapa lagu popular antaranya lagu tema GMWA2024, Garam & Madu, Mamushi, Bea Soba Bea dan Bunga Kemboja benar-benar memanaskan pentas!

2. Amelia Henderson Menari Balet

Bukan sekadar mengacara, Amelia turut membuat kejutan dengan tarian baletnya yang memukau, meskipun sebelum ini mengumumkan 'bersara' daripada dunia tarian.

3. Ryan Bakery Tersungkur di Pentas!

Pemenang Digital Content Creator (Entertainment), Ryan Bakery tersadung ketika menuju ke pentas tetapi tetap tenang! Malah, dia sempat membawa gengnya naik ke pentas, manakala isterinya pula tidak dapat menahan sebak.

4. Hujan Bikin Riu

Kumpulan Hujan benar-benar menghidupkan suasana dengan persembahan bertenaga! Penonton turut sama menyanyi dan menari sepanjang persembahan mereka.

5. Closing Awesome!

Malam GMWA2024 ditutup dengan persembahan memukau daripada Datuk Sheila Majid & Diskoria, meninggalkan aura magis yang tidak dapat dilupakan. - ASYIKIN MAYUDIN

Kredit foto: @that.guy.ibs @ameliaith @amoscookie_moovelite @annajobling @rryanfahmibakery



Dapur Goofday: Misi Sarimah & Tuyah VS Che Ton 'Tengok Hari Ini & Esok Boleh Beli'

Ramadan ini, Dapur Goofday: Misi Sarimah & Tuyah VS Che Ton memperkenalkan konsep baharu dalam dunia masakan – bukan sekadar tontonan, tetapi pengalaman interaktif!

Berikut lima fakta menarik tentang program realiti drama masakan pertama di Malaysia ini.

1. Program Realiti Drama Masakan Pertama di Malaysia

Dapur Goofday menggabungkan elemen realiti, drama dan kulinari dalam satu program yang unik.

2. Konsep 'Tengok Hari Ini, Esok Boleh Beli'

Penonton bukan sahaja boleh menonton hidangan disediakan di kaca TV, tetapi juga boleh membelinya di bazaar Ramadan keesokan harinya.


3. Dibarisi Watak Ikonik & Selebriti Popular

Menampilkan watak dari drama Khun:sa seperti Che Ton (Sherry Alhadad), Sarimah (Zarina Zainoordin) dan Tuyah (Ezu Hashim), serta selebriti jemputan seperti Zizan Razak, Scha Al-Yahya dan Datuk Rosyam Noor.



4. Setiap Resipi Menggunakan Susu Goofday

Semua hidangan dalam program ini menggunakan susu Goofday sebagai bahan utama, termasuk nasi hujan panas, roti john dan ayam percik.



5. Disiarkan Sepanjang Ramadan & Jualan di Bazaar

Ditayangkan setiap hari di Astro Ria sepanjang Ramadan, bermula 1 Mac, 5.30 petang. Penonton juga boleh membeli hidangan dari program ini di bazaar Ramadan Stadium Shah Alam mulai 2 hingga 29 Mac.



A GEMPAK® ORIGINAL SERIES

PROGRAM REALITI DRAMA MASAKAN PERTAMA

Dapur Goofday
MISI SARIMAH & TUYAH
VS
CHE TON

SAKSIKAN SETIAP HARI, 5:30 PETANG

astro
Ria

astro
GO
sooka

Pengajaran Isu Parodi Imran Bard, Ellie Suriaty — Adab Dulu Baru Kamu

Mengikut pandangan kasat mata yang hanya mengambil kira seorang pempengaruh hanya melakukan sebuah parodi, maka ‘kemenangan’ akan berpihak kepada content creator yang kukuh dengan pegangan — sesuatu yang dipersembahkan dalam platform media sosial hanya hiburan semata-mata.

Namun ada yang lupa bahawa meski hiburan ia pastilah ada had.

Dan bercakap tentang pempengaruh atau content creator bersama persembahan yang kurang cerdik lalu terus merubah nasib dan reputasi adalah isu Imran Bard bersama aktres berkaliber, Ellie Suriaty.

Isunya ringkas — Imran Bard menyebut nama Ellie Suriaty dan mengaitkannya dengan perilaku negatif dalam salah satu parodi. Ellie terguris kerana berasa reputasinya tercemar lalu meminta anak muda itu membuat permohonan maaf.

Imran Bard kemudian muncul dengan permohonan maaf yang dilihat sangat sinikal dan disifatkan banyak orang tidak beradab. Bersama permohonan maaf yang cukup sinis itu pemuda tinggi lampai ini juga sempat memberi amaran kepada pengguna media sosial yang memberi nasihat dan digelar sebagai Makcik FB agar jangan ‘kepoh’.

Oleh kerana ia menyentuh tentang adab, satu perlakuan yang sangat dijunjung tinggi orang Malaysia, maka ia menjadi polemik tentang sikap generasi muda mempunyai nilai murni dan adab yang sangat menyedihkan. Bagaimana adab kini sudah jauh tertinggal dek kerana terbuai dengan pujian dan sokongan di alam maya.

Serta polemik bagaimana menguruskan krisis yang melanda lalu menunjukkan adab dan kematangan seseorang.

Tanpa menjatuhkan hukuman bahawa Imran Bard salah 100 peratus atau Ellie Suriaty benar 100 peratus bukanlah isunya kerana penulis percaya mereka punya alasan tersendiri, sementelah pada akhirnya pendapat selalu berada di antara betul atau salah, ya atau tidak, mahu atau tidak mahu.

Tapi berbalik kepada bagaimana kita sedar bahawa dalam setiap perlakuan yang dibuat, apa lagi saat ini semuanya ‘telanjang’ di media sosial, maka lebih banyak pertimbangan yang perlu dibuat.

Dan bukan hanya buat Imran Bard atau Ellie Suriaty, penulis atau kita semua yang menggunakan media sosial, prinsip ini barangkali terpakai untuk kita semua ; selain adab fikir juga adakah semua perkongsian yang diberi akan menjadi bala atau bekal pahala hidup kita yang singkat ini. - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Pelakon: Milla Jovovich, Dave Bautista, Arly Jover

Genre: Aksi, Pengembaraan, Fantasi

Sinopsis: Mengisahkan seorang ratu yang ingin mendapatkan kekuatan metamorfosis agar boleh berubah menjadi serigala.

Ia pun mengirim penyihir terkuatnya, Gray Alys ke 'Lost Lands' demi mendapatkan kekuatan tersebut. Di pertengahan jalan, Alys bertemu pemburu misteri bernama Boyce.

Bersama-sama, mereka menjelajahi dunia yang menakutkan dan berbahaya itu. Apakah Alys dan Boyce mampu keluar hidup-hidup dari tempat tersebut?




Pengarah: Ganank Dera

Pelakon: Alexzander Wlan, Badriyah Afiff

Genre: Drama

Samawa mengisahkan perjalanan emosional Yura, yang sejak kecil dibesarkan dalam keluarga Jawa dengan nilai pernikahan sebagai ikatan sakral. Namun, setelah menikah dengan Andi, ia menghadapi kenyataan pahit tentang suaminya yang menyimpan banyak dosa dan rahasia kelam. Prinsip yang dia pegang membuatnya terus bertahan meski terluka. Film ini menyoroti bagaimana nilai tradisional bisa menjadi belenggu bagi perempuan dalam menghadapi realitas pernikahan yang menyakitkan.



Pengarah: Bong Joon-Ho

Pelakon: Robert Pattinson, Steven Yeun, Naomi Ackie, Toni Collette, Mark Ruffalo

Genre: Fiksyen

Mickey 17 mengisahkan Mickey Barnes, seorang lelaki dalam projek "Expendable" yang diklon berulang kali untuk misi berbahaya. Apabila satu klon mati, klon baru dicipta dengan ingatan yang hampir sama.

Namun, Mickey 17 terselamat di dunia beku Niflheim, sedangkan sistem telah mencipta Mickey 18 untuk menggantikannya. Kini, dia perlu berjuang untuk hidup sambil berdepan dengan klonnya sendiri

Ramadan Lebih Meriah Dengan Astro WhatsApp Stickers!

Hiasi perbualan anda dengan pelbagai sticker menarik, menampilkan selebriti kegemaran anda seperti Sherry Alhadad, Nadhir Nasar, Meerqueen, Mierul Aiman, Arabella, Qasrina Karim, Izzue Islam, dan Sean Lee.

Kongsi kegembiraan berbuka puasa, sahur, doa, dan ucapan Ramadan Bersama keluarga dan rakan-rakan dengan hanya satu klik!

Muat turun aplikasi My Astro dan klik pada banner Sticker Ramadan untuk dapatkan pek sticker!



Wantugo Filem Survival Thriller Pertama Malaysia!

Astro Shaw akan menerbitkan filem 'survival thriller' pertama Malaysia berjudul 'Wantugo', dijangka tayang penghujung 2025.

Filem arahan Nurhanisham Muhammad ini menampilkan pelakon seperti Nia Atasha, Elizabeth Tan, Daiyan Trisha, Sky Iskandar, Ucop, Meerqueen, Sein Qudsi, dan Zul Ariffin.

Kisahnya berkisar tentang Zak dan rakan-rakannya yang terlibat dalam permainan maut di taman tema terbiar, menguji psikologi dan moral mereka.

Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad, menyatakan keterujaan bekerjasama dengan Infinitus Entertainment dalam projek ini.

Jamal Abdillah 'Angkut' Anak Naik Pentas!

Zepp Kuala Lumpur bergema dengan sorakan peminat sebaik sahaja Datuk Jamal Abdillah muncul di pentas dalam konsert Sandarkan Pada Kenangan Mencari Azura.

Dengan vokal yang tetap bertenaga pada usia 65 tahun, Jamal menghiburkan lebih 1,200 penonton dengan deretan lagu malar segar seperti Kekasih Awal dan Akhir, Gadis Melayu, serta medley hit popularnya.

Kejutan istimewa hadir apabila anak sulungnya, Osama Yamanie, berduet dalam Bunga Seroja, manakala Wany Hasrita tampil menyanyikan Sandarkan Pada Kenangan. Konsert menjadi lebih bermakna apabila Jamal memperkenalkan anak-anaknya yang masih kecil di pentas, mencipta momen penuh emosi. - KHAIRIL KHUSYAIRI



Amber Lancar Koleksi Raya Romantics 2025

Jenama fesyen Amber kembali mencuri perhatian dengan pelancaran koleksi eksklusif Raya Romantics 2025, menampilkan gabungan keanggunan klasik dan moden.

Menyerikan koleksi ini, Awal Ashaari, Scha Alyahya, Aina Abdul, Fattah Amin, Nora Danish dan Sophia Albarakkah dipilih sebagai wajah rasmi Amber.

Diperbuat daripada kain 100% kapas berkualiti tinggi, setiap helaian direka dengan perincian mewah, sulaman floral indah, serta palet warna yang pelbagai untuk lelaki dan wanita dalam saiz XS - 3XL.

Amber mensasarkan jualan 300,000 helai tahun ini, dengan koleksi tersedia di butik fizikal, dalam talian serta festival fesyen seperti Celebfest Singapore dan Absolute Fest Gaya Raya. - ASYIKIN MAYUDIN



Financial Faiz

@financialfaiz

Nak Senang Dapat Pinjaman? Kenali CTOS & CCRIS

Ramai yang tak sedar bahawa skor kredit memainkan peranan besar dalam urusan kewangan harian, terutama bila nak buat pinjaman rumah atau kereta. Pendidik kewangan, Faiz Azmi, menekankan betapa pentingnya membina rekod kredit yang baik untuk memudahkan permohonan pinjaman pada masa hadapan.

Kenapa Skor Kredit Penting?

Bank menggunakan rekod CTOS dan CCRIS untuk menilai kelayakan pinjaman. Jika tiada sejarah kredit, bank sukar menilai kebolehan anda membayar balik hutang. Tanpa rekod kredit, anda mungkin perlu menyediakan deposit lebih tinggi.

Contoh Situasi

Jika ingin beli rumah RM500,000:

1. Dengan rekod kredit baik: Bank meluluskan 90% pembiayaan, deposit hanya RM50,000 (10%).
2. Tanpa rekod kredit: Bank hanya meluluskan 80% pembiayaan, deposit perlu RM100,000 (20%).

Jadi, mempunyai rekod kredit boleh memudahkan urusan kewangan di masa depan.


Cara Mudah Meningkatkan Skor Kredit

- Gunakan kad kredit untuk perbelanjaan kecil seperti petrol atau barang dapur.
- Pastikan bayar penuh setiap bulan untuk menunjukkan pengurusan kewangan yang baik.
- Elakkan tunggakan dan pastikan bayaran dibuat tepat pada masanya.

Manfaat Skor Kredit yang Baik:

- Memudahkan permohonan pinjaman.
- Mengurangkan jumlah deposit yang perlu dibayar.
- Memberikan lebih banyak pilihan dan kemudahan kewangan di masa hadapan.

Dengan sedikit perancangan dan disiplin kewangan, anda boleh memastikan skor kredit anda sentiasa dalam keadaan baik untuk menikmati lebih banyak peluang kewangan!




Khairul Aming Launches '30 Days 60 Recipes' For Ramadan

Khairul Aming, a well-known Malaysian culinary personality, has launched a new series titled '30 Days 60 Recipes' for Ramadan.

In this series, he shares two recipes daily throughout the month, featuring a mix of traditional and modern dishes.

Additionally, Khairul Aming is hosting Ramadan bazaar livestreams on his social media platforms, allowing viewers to experience the bazaar atmosphere virtually and get inspiration for their iftar meals.



Doctor Collects Almost Every JPJ License

A Malaysian doctor, Dr. Leong Keen Wai, has collected almost every JPJ driving license.

His licenses cover motorcycles, cars, trucks, tractors, heavy machinery, ambulances, and buses.

He started this journey to drive ambulances for emergencies and now aims to get licenses for cranes, B-double trucks, and even a helicopter.

His dream is to drive a giant Caterpillar 797 truck and start a superbike emergency squad at his hospital.

Teacher Runs With Student In Wheelchair

A Malaysian teacher recently warmed hearts by ensuring a wheelchair-bound student felt included during a school sports event.

In a touching video shared by the student's mother, the teacher is seen pushing her son in his wheelchair, allowing him to participate alongside his peers.

This act of kindness highlights the teacher's dedication to inclusivity and the well-being of all students.

Read more at www.rojakdaily.com.